

KAJIAN SOSIOLOGI MENGENAI PERUBAHAN SOSIAL DALAM AMALAN PATRIOTISME DALAM KALANGAN BELIA MALAYSIA: SUATU SOROTAN.

Rosfazila Abd Rahman
Universiti Islam Selangor (UIS)
Tel: +60123313020 Email: rosfazila@uis.edu.my

Jessica Ong Hai Liaw
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM)
Tel: +60123976778 Email: jessica@upnm.edu.my

Adlina Abdul Khalil
Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah(UniSHAMS)
Tel: +60173248156 Email: adlina@unishams.edu.my

Sharifah Shahirah Syed Sheikh
Universiti Poly-Tech MARA (UPTM)
Tel: +60196321987 Email: shsyahirah@kuptm.edu.my

Munira Abd Razak
Universiti Malaysia Pahang (UMP)
Tel: +60123880277 Email: munira@ump.edu.my

Djhoanna Mama
Davao Oriental State University (DOrSU)
Email: djhoanna.mama@doscsst.edu.ph

ABSTRAK

Penyertaan pada aktiviti meluas semangat patriotik terus merosot. Semangat patriotik sedia ada mungkin menghadapi perubahan landskap tetapi ini tidak bermakna belia telah tidak patriotik sama sekali. Persekitaran sosiobudaya, politik dan ekonomi dalam masyarakat Malaysia memerlukan penyesuaian dan pengubahsuaian dalam soal patriotisme. Semangat patriotik dilihat sebagai kepercayaan, amalan dan tindakan yang menunjukkan kesetiaan kepada negara. Masyarakat Malaysia dikenali dengan tahap kepelbagaian dalam multi aspek yang tinggi. Belia mengharapkan semangat patriotik mencipta makna dalam hidup bernegara. Jangkaan ini memainkan peranan penting dalam pengalaman patriotisme yang diamalkan serta perubahan ketara dalam landskap patriotik warga. Selanjutnya proses pemodenan dan sekularisasi adalah faktor penting lain yang memberi kesan kepada perubahan ini di Malaysia. Justeru, belia Malaysia menyediakan satu kajian kes yang sangat baik untuk menerokai perubahan sosial dalam amalan patriotisme dalam kalangan belia di Malaysia. Untuk memenuhi tujuan kajian ini, persoalan kajian ialah, apakah perubahan sosial yang dilihat dalam amalan patriotisme dalam kalangan belia di Malaysia? Pemberi maklumat utama ialah tiga orang dewasa muda antara 25 dan 30 yang tinggal di Malaysia. Dalam kajian ini, untuk memahami transformasi dalam amalan patriotisme, pendekatan kualitatif digunakan. Menggunakan persampelan bertujuan bukan kebarangkalian, temu bual separa berstruktur dengan soalan terbuka, temu bual mendalam dijalankan. Analisis tematik digunakan untuk menganalisis dapatan dalam bentuk pola, tema atau kategori. Implikasi jangka panjang kajian ini akan membantu masyarakat dan institusi kenegaraan untuk mengubah pemahaman mereka tentang perubahan. Pemerintah harus mencari kepercayaan dalam komuniti belia seperti menggalakkan belia dengan program patriotisme dan kenegaraan. Golongan belia harus diberi rasa memiliki dalam misi dan visi pemerintah.

Kata Kunci: *Patriotik; Pemahaman patriotisme; amalan patriotik; transformasi; belia Malaysia.*

1. Pengenalan

Situasi belia di Malaysia menyediakan satu kajian kes yang sangat baik untuk menerokai perubahan sosial dalam amalan patriotisme dalam kalangan belia. Penyertaan pada aktiviti meluas semangat patriotik terus dilihat merosot. Semangat patriotik sedia ada mungkin menghadapi perubahan

landskap tetapi ini tidak bermakna belia telah tidak patriotik sama sekali. Persekitaran sosiobudaya, politik dan ekonomi dalam masyarakat Malaysia memerlukan penyesuaian dan pengubahsuaian dalam soal patriotisme. Semangat patriotik dilihat sebagai kepercayaan, amalan dan tindakan yang menunjukkan kesetiaan kepada negara. Masyarakat Malaysia dikenali dengan tahap kepelbagaian dalam multi aspek yang tinggi. Belia mengharapkan semangat patriotik mencipta makna dalam hidup bernegara. Jangkaan ini memainkan peranan penting dalam pengalaman patriotisme yang diamalkan serta perubahan ketara dalam landskap patriotik warga. Selanjutnya proses pemodenan dan sekularisasi adalah faktor penting lain yang memberi kesan kepada perubahan ini di Malaysia. Justeru, kajian sosiologikal yang melibatkan kajian saintifik tentang kehidupan manusia, kumpulan sosial dan seluruh masyarakat dan dunia manusia dirasakan sangat perlu dan tepat. Teori Sosiologi akan dikaitkan dengan soal-soal manusia dalam masyarakatnya dalam konteks patriotisme belia. Kajian akan perangai manusia; atau secara ringkas, mengkaji hubungan antara manusia yang pada awalnya saling tidak kenal kepada suatu peringkat yang lebih proses sosial sejagat. Kajian sosiologikal dianggap sebagai tindak balas akademik tentang gaya kemodenan; apabila dunia semakin kecil dan lebih bersepadu, pandangan hidup manusia tentang dunia semakin mengecil dan tersebar. Kajian sosiologi berharap, melalui ilmu ini dapatlah kita memahami unsur-unsur yang menjalinkan perpaduan (mencari persamaan) antara kita, dan juga untuk membentuk "penawar" (antidote) kepada perpecahan atau krisis moral masyarakat dalam kajian ini ia berbentuk patriotisme belia.

2. Kajian Sosiologi

Ilmu sosiologi ini boleh dikaitkan dengan suatu kajian-kajian yang dilakukan untuk mengkaji berkaitan tentang masyarakat. Bidang sosiologi ini merupakan kajian saintifik tentang kehidupan manusia, kumpulan sosial dan seluruh masyarakat dan dunia manusia. Sosiologi merupakan kajian tentang hukum masyarakat dan proses yang berkenaan dengannya; dan pendek kata sebagai anggota masyarakat). Sosiologi secara teori sering kali dikaitkan dengan soal-soal manusia dalam masyarakatnya. Sosiologi berminat tentang perangai kita sebagai manusia; atau secara ringkas, mengkaji hubungan antara manusia yang pada awalnya saling tidak kenal kepada suatu peringkat yang lebih proses sosial sejagat. Sosiologi yang muncul pada abad ke-19 dianggap sebagai tindak balas akademik tentang gaya kemodenan; apabila dunia semakin kecil dan lebih bersepadu, pandangan hidup manusia tentang dunia semakin mengecil dan tersebar. Ahli sosiologi berharap, melalui ilmu ini dapatlah kita memahami unsur-unsur yang menjalinkan perpaduan (mencari persamaan) antara kita, dan juga untuk membentuk "penawar" (antidote) kepada perpecahan atau krisis moral masyarakat.

Para sosiologi masa kini menyelidik struktur makro yang membentuk dan seterusnya meladeni masyarakat, seperti kaum atau etnik, kelas masyarakat dan peranan gender dan institusi seperti keluarga; proses sosial yang mewakili lencongan daripada, atau kehancuran, struktur ini, termasuk jenayah dan perceraian; dan proses mikro seperti interaksi interpersonal. Ahli sosiologi sering kali bergantung kepada kaedah kuantitatif untuk menghurai corak hubungan sosial, dan untuk membina model model yang boleh membantu dalam meramal perubahan sosial dan kesannya kepada manusia. Seseengah ahli sosiologi pula berpendapat kaedah kualitatif (seperti wawancara terarah, diskusi berkumpulan, dan kaedah etnografi) mampu memberi pemahaman yang lebih mendalam terhadap proses sosial. Cara yang terbaik ialah menggunakan kedua dua kaedah secara serentak. Keputusan daripada kedua dua kaedah ini boleh digunakan untuk menguatkan hujah antara satu sama lain. Contohnya, kaedah kuantitatif boleh menghurai corak am sosial, manakala kaedah kualitatif pula boleh membantu dalam memahami bagaimana seseorang individu bergerak balas terhadap perubahan sosial.

Sosiologi merupakan bidang kajian yang agak baru berbanding bidang sains sosial lain termasuk ekonomi, sains politik, antropologi dan psikologi. Istilah ini dicipta oleh Auguste Comte, yang berharap untuk menyatukan semua kajian mengenai manusia -- termasuk sejarah, psikologi dan ekonomi. Skema sosiologinya merupakan yang biasa untuk abad ke-18; dia percaya semua kehidupan manusia melalui tahap sejarah yang jelas berbeza dan bahawa, sekiranya seseorang dapat memahami proses ini, seseorang itu dapat menghasilkan penawar bagi kesemua masalah penyakit sosial.

Akhirnya, sosiologi tidak menggantikan sains sosial yang lain, tetapi salah satu dari mereka, dengan penekanan tersendiri pada segi subject matter dan kaedah. Hari ini, kajian sosiologi mengkaji organisasi manusia dan institusi sosial, kebanyakannya melalui kaedah bandingan. Ia memusat terutamanya pada organisasi kompleks masyarakat pengilangan (industrial society).

Ahli sosiologi mengkaji pelbagai topik yang luas. Untuk mendapatkan gambaran mengenai bidang yang dirangkumi, lawati Persatuan Sosiologi Antarabangsa - *International Sociological Association's Research Committee's page* yang menyenaraikan topik seperti Penuaan, Seni, Pertelingkahan Bersenjata, Bencana, Penyelidikan Masa Depan, Kesihatan, Undang-undang, Rehlah, Migrasi, Penduduk, Agama, Pelancungan, Wanita dalam Masyarakat, Kerja, dan banyak lagi. Persatuan Sosiologi Amerika - *American Sociological Association's sections page* menyenaraikan seksion merangkumi kebanyakan topik yang sama, termasuk yang lain.

Berikut adalah sebahagian dari bidang dan topik tersebut; Sosiologi ekonomi; Sosiologi persekitaran; Ekologi manusia (kekadang termasuk dalam sosiologi utama); Sosiologi perindustrian; Sosiologi perubatan; Mikrososiologi; Sosiologi politik; Penilaian program; Sosiologi luar bandar; Sosiologi agama; Sosiologi sains dan teknologi; Teori sistem; Sosiologi pasaran; Sosiologi Perhubungan Perindustrian; Perubahan sosial; Demografi sosial; Sosiologi bencana dan Sosiologi bandar.

3. Perubahan Sosial

Perubahan sosial merupakan suatu proses pergeseran struktur atau susunan di dalam masyarakat, yang meliputi pola fikir yang lebih inovatif, sikap, serta kehidupan sosialnya untuk mendapatkan penghidupan yang lebih bermartabat. Tokoh-tokoh yang berbicara soal perubahan sosial adalah: Kingsley Davis, Mac Iver, Selo Soemartjan, William Ogburn. Kecenderungan terjadinya perubahan-perubahan sosial merupakan gejala yang wajar yang timbul dari pergaulan hidup manusia di dalam masyarakat. Perubahan-perubahan sosial akan terus berlangsung sepanjang masih terjadi interaksi antara manusia dan antara masyarakat. Perubahan sosial terjadi kerana adanya perubahan dalam unsur-unsur yang mempertahankan keseimbangan masyarakat, seperti perubahan dalam unsur-unsur geografi, biologi, ekonomi, dan kebudayaan. Perubahan sosial dalam masyarakat tidak boleh dilihat dari satu sisi saja, kerana perubahan ini dapat mengakibatkan pergeseran pada banyak sektor dalam masyarakat sosial. Hal ini bermaksud, perubahan sosial akan selalu terjadi pada setiap komponen di dalam masyarakat itu sendiri. Gejala perubahan sosial dalam masyarakat dapat dilihat dari terjadinya perubahan sistem nilai mahupun norma yang berlaku dan yang tidak berlaku lagi dalam masyarakat. Tentu saja, perubahan sosial ini terjadi bukan semata-mata kerana individu dalam masyarakat tersebut yang mahu berubah, akan tetapi kerana adanya perkembangan dari pelbagai sektor khususnya teknologi (Lorentius Goa, 2014).

Perubahan sosial dalam masyarakat bukan merupakan sebuah hasil atau produk melainkan suatu proses. Proses perubahan ini tentu saja merupakan hasil dari sebuah kesepakatan atau keputusan bersama yang diambil dari setiap individu atau kelompok masyarakat. Keputusan yang diambil tentu saja yang sesuai dengan keinginan atau harapan kelompok agar perubahan sosial itu dapat terwujud.

Ekonomi dan budaya merupakan suatu masalah pokok yang terjadi dalam kehidupan masyarakat dewasa ini. Dengan kemiskinan dari segi ekonomi ini dapat mempengaruhi kehidupan masyarakat seperti perilaku sosial, cara berpikir, bertindak dan lain sebagainya. Ekonomi menyebabkan masyarakat menjadi hidup dalam kemiskinan. Miskin menurut Chambers dan Nasikun ada empat bentuk yakni, kemiskinan absolut, relatif, kultural dan struktural. Menurut Marx perubahan sosial dalam masyarakat itu terjadi melalui pendekatan konflik. Konflik disini terjadi antara dua golongan yakni pemilik modal dan pekerja. Dan kelompok yang menang tentu saja akan menguasai atau menekan orang lain. Teori-teori mengenai perubahan sosial antara lain: teori evolusi, teori konflik dan teori perubahan sosial Dahrendorf. Untuk mencapai suatu perubahan memang tidak mudah, dan hal ini diakibatkan oleh berbagai faktor seperti faktor penyebab suatu perubahan, yang mendorong suatu perubahan maupun apa yang menjadi penghambat suatu perubahan tersebut (Lorentius Goa, 2014).

4. Amalan Patriotisme

Dalam *Kamus Dewan*, patriotisme bererti perasaan cintakan bangsa dan negara yang mendalam. Ia juga diertikan sebagai pergerakan untuk mencapai kebebasan ekonomi dan politik dari bangsa asing (Kamus Dewan, 1996:923). Hans Kohn (1969:16) memberi takrif dengan menyebutkan :

“...is a state of mind permeating the large majority of the people and clamming permeate all its members; it recognise the nation state as the ideal form of political organisation and the nationality as the source of all creative cultural energy and economic wellbeing. The supreme loyalty of man is therefore due to his nationality his life is supposedly rooted in and made possible by its welfare.

Nasionalisme menyatakan bahawa negara bangsa adalah cita-cita dan satu-satunya bentuk sah dari organisasi politik dan bahawa bangsa adalah sumber daripada semua tenaga kebudayaan kreatif dan kesejahteraan ekonomi (Hans Khon,1984:12).. Nasionalisme juga diertikan sebagai kesedaran individu atau kumpulan akan keahliannya dalam sebuah negara, serta keinginan untuk mempertahankan negaranya, kebebasan dan kemakmuran. Individu atau kumpulan ini merasakan yang mereka mempunyai taat setia yang tidak berbelah bagi terhadap negara tersebut (Mohamad Idris Saleh, 1991:64). Oleh itu, nasionalisme bermaksud taat setia masyarakat atau sesuatu bangsa terhadap tanah air sendiri. Ia merupakan kesedaran politik dan semangat kebangsaan yang membawa individu mempertahankan kebebasan serta memperkukuhkan keutuhan negara. Terdapat empat motif bagi memperjuangkan nasionalisme iaitu:

1. Menentang dan cuba menghalau keluar penjajah yang dianggap membawa masuk unsur yang mengancam struktur politik dan identiti budaya pribumi
2. Mewujudkan perpaduan di kalangan penduduk pribumi
3. Mengembalikan tamadun lama
4. Menegakkan kedaulatan dan kemerdekaan negara (Mohamad Idris Saleh, 1991:64).

Nasionalisme juga diertikan sebagai perasaan untuk memelihara atau memperluaskan kebangsaan rakyat atau identiti kebangsaan. Apabila usaha-usaha itu tidak dapat dilaksanakan, maka akan dirasakan suatu kekurangan. Nasionalisme merupakan suatu ideologi yang mendominasi sekumpulan manusia untuk menaikkan taraf kumpulan mereka (Wan Mohd Azam, 1997:2). Wan Hashim Wan Teh pula membahagikan nasionalisme kepada dua

bahagian:

- a. Wujudnya kesedaran kesatuan kumpulan manusia yang mempunyai persamaan dari segi 'ras' agama, bahasa dan kebudayaan. Contoh nasionalisme ini ialah nasionalisme Melayu yang berakar umbi di abad ke 19 tetapi sampai ke kemuncak perkembangannya pada tahun 1946 dengan kemunculan UMNO.
- b. Nasionalisme ialah kesedaran yang membawa kepada penyatuan di kalangan manusia yang tinggal dalam satu batasan politik yang sama tetapi tidak semestinya mempunyai persamaan dari segi rasa, agama, bahasa dan kebudayaan. Apa yang penting di sini ialah rasa cinta dan kesetiaan yang mendalam terhadap tanah air sehingga sanggup berkorban nyawa daripada dibiarkan dicerobohi oleh pihak musuh (Wan Hashim, 1985).

Menurut Abdul Rahman Embong dan Rustam A. Sani, nasionalisme Melayu harus didefinisi semula supaya ia boleh menjadi pentakrif nasionalisme Malaysia. Ini dilihat sebagai memahami kehendak gagasan pembinaan bangsa Malaysia pada masa hadapan. Bagi orang Melayu, pembinaan bangsa Malaysia dilihat melemahkan kedudukan orang Melayu sendiri manakala orang bukan Melayu bersikap positif kerana ia mengakui hak mereka sebagai rakan kongsi yang sama darjat dalam pembentukan bangsa Malaysia (Abdul Rahman Embong, 2001:12).

Patriotisme merupakan elemen penting dalam proses mengekalkan perpaduan dan perasaan cinta dan kasih sayang terhadap negara. Penerapan nilai patriotisme sangat penting dalam memastikan keharmonian hidup dalam masyarakat berbilang kaum sesebuah negara. Terdapat beberapa kajian berkaitan dengan patriotisme yang telah dihasilkan oleh pengkaji terdahulu mendapati bahawa tema kajian adalah lebih bertumpu kepada tahap patriotisme (Mohd Nashahrudin Mat Daud & Mohd Sobhi Ishak, 2022).

Patriotisme merupakan elemen penting dalam proses mengekalkan perpaduan dalam sesebuah negara. Menurut Mukmin (2005) patriotisme adalah satu manifestasi perasaan, sikap, *world-view* serta nilai terhadap negara atau negeri sendiri, iaitu perasaan seperti cinta, saling menghormati atau kasih terhadap objek yang ditunjukkan khususnya negara. Saifuddin (2005) menegaskan bahawa patriotisme bermaksud kesetiaan dan kebanggaan yang mempunyai perasaan cinta yang kental demi bangsa dan negara. Patriotisme juga sering kali dikaitkan dengan cintakan watan yang merupakan satu semangat atau nilai yang perlu dihayati oleh segenap lapisan masyarakat khususnya generasi muda. Nilainilai patriotisme merupakan sebahagian daripada nilai-nilai murni, perlu dijiwai dan diamalkan sebaik mungkin agar dapat menyumbang ke arah pembentukan generasi yang berhemah tinggi dan berakhlak mulia. Patriotisme juga membayangkan bahawa seseorang wajar mengutamakan kepentingan negara berbanding kepentingan diri dan kelompoknya.

Patriotisme yang berasal daripada perkataan Greek iaitu patriotes yang bermaksud fellow cuntrymen iaitu rakan senegara dan patrice yang bermakna fatherland atau country iaitu tanah air atau negara. Menurut Aziz et al. (2014) terdapat empat faktor yang menyumbang kepada tahap perpaduan dan patriotisme iaitu keselamatan, ekonomi, umur dan pendidikan. Patriotisme dan perpaduan adalah dua perkara yang saling berkait antara satu dengan yang lain yang membina sebuah negara maju, harmoni dan aman. Patriotisme merupakan sebuah konsep yang berkait rapat dengan kenegaraan, walau bagaimanapun perubahan bentuk patriotisme biasanya boleh berubah mengikut peredaran zaman dan keadaan. Namun, makna mengenai patriotik tetap kekal sebagai perasaan cinta kepada tanah tumpahnya atau negaranya. Elemen patriotisme ini amat penting untuk dipupuk kepada masyarakat Malaysia bagi menyumbang kepada pembentukan masyarakat yang sejahtera dan berhemah tinggi. Menurut Bas (2016) patriotisme merupakan amalan kebajikan, keperluan masyarakat nilai murni yang perlu dijiwai dan diamalkan oleh masyarakat Malaysia. Penerapan semangat patriotisme

merupakan satu perasaan dan ideologi yang penting serta berpengaruh dalam pembangunan dan kesinambungan sesebuah negara bangsa. Pemupukan semangat patriotisme mempunyai matlamat akhirnya untuk menegakkan sebuah negara bangsa yang berdaulat dan memupuk semangat perpaduan dalam kalangan kaum, pemupukan pembudayaan nilai patriotisme dalam kalangan muridmurid sangat penting untuk kesinambungan keharmonian negara.

5. Isu Patriotisme Belia Malaysia

Di Malaysia, patriotisme boleh diertikan kecintaan dan kesetiaan kepada negara dengan menitikberatkan perpaduan dalam seluruh aspek pembangunan. Patriotisme juga melahirkan masyarakat yang beradab sehingga dapat menempuh segala cabaran dan ancaman di era ini (Abdullah, 2009). Manakala Muhamad Ali Embi (2009), kecintaan kepada negara bukan hanya setakat ungkapan di bibir semata-mata atau hanya bersifat simbolik seperti menghormati simbol-simbol negara seperti pemimpin, lagu dan bendera sahaja. Malah lebih dari itu kecintaan kepada negara boleh ditunjukkan dengan pelbagai cara. Oleh itu, apa-apa sahaja yang kita lakukan demi untuk negara boleh sahaja dianggap sebagai patriotisme.

Dewasa kini generasi muda semakin terdedah dengan pelbagai media sosial baharu yang membuka kotak 'pemikiran' generasi belia. Terdapat segelintir belia yang mulai mengalami hakisan semangat patriotisme sehingga boleh memberi kesan kepada usaha merealisasikan Wawasan 2020. Generasi belia wajar meningkatkan daya juang melalui semangat patriotisme dan perjuangan yang berpaksikan nilai budaya watan yang tidak melanggar tatasusila kemanusiaan sejagat. Pembangunan manusia juga harus mementingkan aspek kemanusiaan yang lain kerana masyarakat Malaysia turut dilanda dengan pelbagai masalah sosial yang boleh mengancam kestabilan sosial dan seterusnya menakutkan para pelabur asing. Walaupun pada masa kini masalah sosial belum lagi menjadi serius dan masih terkawal, tetapi masalah tersebut telah menjadi semakin membimbangkan. Sungguhpun belia Malaysia dinobatkan sebagai bakal pewaris dan peneraju tonggak negara, namun golongan belia sering mendapat liputan negatif media massa sebagai generasi yang tidak bersedia untuk merealisasikan aspirasi negara. Persoalannya, sejauhmanakah belia Malaysia memahami, mengamal dan menghayati nilai patriotisme dalam kehidupan harian mereka? Oleh itu, kajian ini bertujuan mengenal pasti kesedaran belia bandar terhadap patriotisme di Semenanjung Malaysia. Perlu ditegaskan golongan muda mempunyai peranan penting dalam memastikan kedaulatan negara terbela dengan meningkatkan semangat patriotisme dan keharmonian sosial. Masyarakat Malaysia terdiri daripada pelbagai etnik seperti Melayu, Cina, India, Iban, Kadazan, Bajau, Orang Asli dan lain-lain. Disebabkan kepelbagaian latar belakang tersebut maka lanskap politik di Malaysia diselubungi dengan perjuangan yang berasaskan perkauman (Ishak Saat, 2010). Salah satu sebab kerencaman situasi ialah kerana Malaysia mempunyai masyarakat berbilang kaum (Zaid Ahmad, 2010). Antara peristiwa kekeruhan hubungan etnik yang sering ditonjolkan ialah peristiwa 13 Mei yang tercetus selepas Pilihanraya Umum Ke-3 pada 10 Mei 1969 (Ishak Saat, 2009). Oleh itu, ikatan terhadap perbezaan etnik amat perlu dan penyatuan mampu dicapai sekiranya setiap anggota masyarakat berpegang kepada nilai patriotik yang sama. Hal ini demikian kerana patriotisme sesuai menjadi wadah penyatuan dalam kepelbagaian yang sedia wujud dalam masyarakat Malaysia.

6. Penutup

Berdasarkan hasil kajian Sarjit S. Gill, Mohd Rahimi Ramli dan Ahmad Tarmizi Talib, 2015 membuktikan bahawa tahap kesedaran patriotisme dalam kalangan belia bandar di Semenanjung Malaysia adalah tinggi. Justeru, pengamatan dan pemerhatian terhadap tingkah laku yang berlawanan dengan hasrat kerajaan hari ini tidak boleh dilabelkan bahawa belia di Semenanjung Malaysia ini

tidak patriotik. Malah, mungkin perbuatan tersebut menunjukkan bahawa mereka lebih patriotik. Dapatan ini boleh dikaitkan dengan tiga bentuk patriotik, iaitu *value-based patriotism*, *egocentric patriotism* dan *constructive patriotism* (Primoratz, 2002; Schatz et al., 1999; Schatz & Staub, 1997). Oleh itu, sekiranya penentangan dan bantahan terhadap pemerintah oleh belia termasuk dalam bentuk *constructive patriotism*, maka Kerajaan tidak perlu bimbang kerana ia menunjukkan golongan belia berada pada tahap patriotik yang matang. Walau bagaimanapun sebarang bentuk penentangan dan bantahan ini tidak boleh bercanggah dengan prinsip kenegaraan Malaysia.

Walaupun bagaimanapun, menurut kajian Mohd Rumaizuddin Ghazali Mohd Rusdan Jalani, 2022 mendapati bahawa semangat patriotism dan 1Malaysia perlu diberi elemen-elemen keislaman agar ia bersesuaian dengan syariat Islam. Konsep 1Malaysia masih lagi kabur dalam kalangan mahasiswa yang memerlukan penjelasan dan pencerahan dari pihak kerajaan agar ia dapat maklumat yang jelas dan betul. Adalah dicadangkan program-program kepemimpinan mahasiswa dan kesepaduan dengan Gagasan 1Malaysia perlu dipertingkatkan dan diperbanyakkan untuk tujuan tersebut.

Perkara ini adalah berdasarkan realiti Malaysia sebagai negara berbilang bangsa atau etnik, bahasa dan budaya. Maka, masalah politik yang dihadapi oleh Malaysia ialah bagaimana penduduk pelbagai etnik ini dapat menghapuskan perasaan taat atau menggantikannya dengan perasaan cinta terhadap negara. Perkara ini merupakan satu perkara yang perlu diatasi oleh seorang Perdana Menteri di Malaysia supaya persaingan antara bangsa dalam apaapa bidang dapat dikurangkan. Oleh itu, cabaran kepada pemerintah Malaysia untuk mewujudkan keadaan yang dapat menarik fokus penduduknya daripada taat kepada bangsa kepada perasaan taat kepada negara. Oleh itu, formula terbaik bagi mengatasi masalah ini ialah membentuk perasaan atau kesedaran taat kepada negara dan menggunakan konsep patriotisme sebagai ganti kepada konsep nasionalisme sama ada nasionalisme Melayu, nasionalisme Cina, nasionalisme India atau kesedaran terhadap unsur etnik dalam kalangan kaum-kaum lain. Negara mempunyai lambang-lambang atau institusi-institusi tertentu yang boleh digunakan untuk membentuk semangat patriotisme ini. Misalnya, bendera kebangsaan, lagu kebangsaan, konsep raja sebagai lambang kedaulatan negara, perlembagaan negara atau sistem perundangan negara. Perkara ini amat penting dalam mewujudkan semangat patriotisme dan melenyapkan semangat perkauman (Hassan Ahmad, 2006). Patriotisme yang dibenarkan oleh Islam dalam erti cinta dan tanggungjawab terhadap bangsa dan negara yang berbeza dengan patriotisme Barat.

7. Rujukan

- Abdullah, Shagul Hamid. (2009). *Patriotisme Kemandirian Kita*. Dlm Abdul Rahman Abdul Aziz (Ed.), *Patriotisme Kemandirian Kita* (Pertama., hlm. 47–60). Kedah: Institut Pemikiran Tun Dr. Mahathir Mohamad Universiti Utara Malaysia.
- (2014). *Patriotisme Negara untuk Keselamatan Negara*. Dlm M. N. A. Abd Rahman Abd Aziz, Ahmad Zaharuddin (Ed.), *Isu-isu Ketahanan Nasional Malaysia* (Pertama., hlm. 31–36). Kuala Lumpur: Institut Pemikiran Tun Dr. Mahathir Mohamad Universiti Utara Malaysia.
- Embi, Muhamad Ali. (2009). *Patriotisme dan Kepercayaan Rakyat di Malaysia* (Pertama). Kuala Lumpur: Utusan Publication.
- Hassan Ahmad. (2006). "Semangat cintakan negara vs semangat cintakan bangsa". *Utusan Online* <http://utusan.com.my/utusan/archive.asp>. (Tarikh akses 4 Mei 2006)
- Lorentius Goa. (2014). *Perubahan Sosial Dalam Kehidupan Bermasyarakat*. Prodi Pelayanan Pastoral.

- Ku Samsu, Ku Hasnita. (2007). *Patriotisme di Kalangan Generasi Muda Malaysia: Kajian Kes Ke Atas Mahasiswa Bukan Melayu di Institusi Pengajian Tinggi*. Universiti Malaysia.
- Lorentius Goa.(2014).Perubahan Sosial Dalam Kehidupan Bermasyarakat. *Jurnal Kateketik Dan Pastoral*. [Vol. 2 No. 2 \(2017\)](#).
- Muslim, Nazri, J. A. (2004). *Patriotisme: Konsep dan pelaksanaannya di Malaysia*. Dlm Seminar Antarabangsa Nilai dalam Komuniti Pasca Modenisme (SIVIC 2004). Langkawi.
- Mohd Nashahrudin Mat Daud & Mohd Sobhi Ishak. (2022). Penerapan Nilai Patriotisme di Malaysia: Satu Tinjauan Literatur. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(10), e001729. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i10.1729>.
- Mohamad Idris Saleh. (1991). *Sejarah Pembangunan Bangsa dan negara*. Kuala Lumpur: Utusan Publication.
- Mohd Ayob Abd Razid. (2009). *Gagasan 1Malaysia*. Kuala Lumpur: Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan.
- Mohd Rumaizuddin Ghazali & Mohd Rushdan Jalani. (2022). Kajian Semangat Patriotisme Dan 1Malaysia Dalam Kalangan Mahasiswa Di Timur Tengah Al-'Abqari J Ournal Vol 5 2015: 7-22 Issn: 2 232-0431 / e Issn: 2 504-8422 Universiti S Ains I Slam Malaysia Penerbit USim / USim PRes.
- Primoratz, I. (2002). *Patriotism : A Deflationary View*, XXXIII(4), 443–458
- Wan Hashim Wan Teh. (1985). “Cintakan Tanah Air Asas Nasionalisme Malaysia”. *Utusan Malaysia*, 31 Ogos.
- Wan Mohd Azam Mohd Amin. (1997). *Antara 'Asabiyyah dan Nasionalisme: Menurut Pandangan Dr. Burhanuddin Al-Helmy*. Kuala Lumpur: Penerbitan Baiduri
- _____. (1984). *Nasionalisme Arti dan Sejarahnya*. Jakarta: Penerbit Erlangga.